

MAN perkenal trak TGS di MIBTC 2015

KUALA LUMPUR: MAN Truck and Bus (M) Sdn Bhd dijangka akan memperkenalkan trak TGS yang baharu semasa Ekspo Bas, Trak dan Komponen Antarabangsa (MIBTC) 2015 pada 14 hingga 16 Mei ini di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Malaysia.

Trak pengangkut TGS 41.480 8 x 4 yang dijual di pasaran Malaysia telah direka khusus untuk keadaan jalan tidak berturap bagi mengangkut bijih daripada lombong terbuka.

Pengarah Urusan Hartmut Mueller berkata trak TGS merupakan penyelesaian ter-

baik dalam industri perlombongan bagi kapasiti kargo yang tinggi dan penjimatan ekonomi.

“Bertahun lamanya, trak buatan MAN telah dikenali sebagai kenderaan yang lasak, kebolehpercayaan, keselesaan dan bernilai untuk wang. — Bernama